

Berundur Sebelum Terlajak

Sampaikan cerita di bawah dengan sebutan, intonasi dan penghayatan yang sesuai.

Umur Budin baru 13 tahun. Walaupun umurnya baru setahun jagung, dia berasa bahawa dirinya sudah dewasa. Budin **tidak suka dikongkong**. Budin tidak berminat untuk ke sekolah. Dia lebih suka bekerja. Tiap-tiap petang dia mengambil upah membasuh pinggan mangkuk di sebuah restoran. Dia gembira walaupun upah yang diterimanya **tidak seberapa**.

Suatu malam, Budin lari dari rumah. Kononnya, dia hendak bebas. Entah macam mana, dia tersesat ke dalam hutan. Tempat yang sepatutnya dituju tidak dijumpainya. Rakan-rakannya sedang menunggu di suatu tempat yang dirahsiakan. Dia berpusing-pusing di dalam hutan dan tidak dapat mencari jalan keluar. Puas dia menjerit meminta tolong tetapi tiada siapa yang mendengarnya. Dia mula berasa takut dan cemas.

Malam semakin larut. Di sekelilingnya hanya semak samun. Seseekali terdengar bunyi haiwan bergerak di dalam semak. Bermacam-macam bunyi haiwan yang kedengaran. Ada suara yang mengilai-ilai seperti manusia. Sesekali, bulu romanya meremang apabila **angin yang bertiup sepoi-sepoi bahasa** menerpa ke tubuhnya. Lantaran penat, Budin tersandar pada banir sebatang pokok.

"Hei, budak! Mengapakah kamu berada di sini? Kamu sepatutnya berada di rumah. Ini hutan besar," jerit seekor burung kakaktua yang bertenggek pada sebatang dahan.

Mata kakaktua itu **merah menyala-nyala**. Budin begitu terkejut dan ketakutan. Kakaktua itu kemudiannya menyindir Budin dengan bergurindam.



Dirimu sungguh tak tahu malu,
Mencari bebas belum sampai waktu.

Berani derhaka kepada ibu,
Macam Tanggung menjadi batu.

Kalau masih tak sedar diri,
Kupanggil harimau datang ke mari.

Pergilah balik ke pangkuan ibu,
Ubatilah hatinya yang sedang pilu.

Sungguh diri tak tahu diuntung,
Mana kawanmu yang datang menolong.

Apabila melihat Budin masih dalam
kebingungan, burung kakaktua itu bersyair pula.

Jika kamu orang berakal,
Tidak dibuat kerja yang dangkal,
Hidupmu akan bertambah bebal,
Kelak hidupmu pasti menyesal.

Selepas bersyair, burung kakaktua itu menghilangkan diri. Budin termangu-mangu. Dia tidak berani hendak bergerak ke mana-mana. Keadaan gelap-gelita dan sunyi sepi, dia berasa sangat lapar. Malam itu tidurlah Budin di pangkal pokok. Dia kesejukan. Dia tidak sabar hendak berjumpa dengan ibunya.



Bincang soal-an di bawah ini.

- 1. Siapakah watak-watak di dalam cerita ini?**
- 2. Apakah pekerjaan Budin?**
- 3. Apakah yang dilakukan oleh Budin di suatu malam?**
- 4. Dimanakah Budin tersesat?**
- 5. Siapakah yang menegur Budin dan apakah perasaan Budin?**
- 6. Apakah yang dilakukan oleh burung kakaktua?**
- 7. Pada pendapat kamu, apakah yang terjadi kepada Budin setelah kejadian malam itu?**
- 8. Nyatakan maksud bagi perkataan di bawah ini.**

tidak suka dikongkong	tidak seberapa
angin yang sepoi-sepoi bahasa	merah menyala-nyala
pangkuan ibu	dalam kebingungan